

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH
(SANDAKAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 23.03.2017

Y.B. TUAN WONG TIEN FATT @ WONG NYUK FOH [SANDAKAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan statistik pemberian BR1M dengan butiran-butiran mengikut pecahan negeri, kaum dan golongan umur dari tahun 2012 hingga 2016.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemberian BR1M diberi secara menyeluruh kepada mereka yang layak tanpa mengira kaum, agama mahupun latar belakang politik. Setiap pemohon akan melalui proses verifikasi yang sama yang akan dilaksanakan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM). Sehubungan ini, Kementerian Kewangan tiada pecahan penerima BR1M mengikut kaum.

Sehingga kini, jumlah pembayaran yang telah disalurkan untuk tujuan BR1M adalah sebanyak RM23.81 bilion seperti berikut:

2012 : RM2.09 bilion

2013 : RM2.90 bilion

2014 : RM3.64 bilion

2015 : RM5.34 bilion

2016 : RM5.34 bilion